



JUHAR (kedua dari kiri), Harun (kiri), Pengerusi Lembaga Pengarah, Tun Dato Seri Zaki Tun Azmi (kedua dari kanan) dan Abdullah semasa majlis memotong kek tersebut. – Gambar Rayner Majantim

Alumni UMS digalak sumbang idea, kemahiran bantu pembangunan universiti

Larissa Lumandan

KOTA KINABALU: Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) digalakkan untuk menyumbang idea dan kemahiran mereka bagi membantu dalam pembangunan universiti itu.

“UMS sentiasa mengalu-alukan idea, pengalaman dan kemahiran anda. Bantu kami untuk cemerlang sepanjang pembangunan sumber akademik, penyelidikan dan mahasiswa kami di samping mencapai wawasan dan misi pendidikan,” kata Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Beliau berkata demikian semasa sambutan ulang tahun ke-20 universiti di Kompleks Dewan Kuliah Pusat ke-2 di sini, Isnin lepas. Menurut Harun, universiti selama ini melahirkan sejumlah 46,318 siswazah dan kebanyakan mereka menjadi usahawan, pemimpin, pendidik cemerlang, antara lainnya.

Beliau kemudian memberi contoh salah seorang lepasan universiti, Datin Nor Sabrina Mohd Nor yang kini merupakan Exco Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Teknologi Tinggi di Kedah.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, untuk memastikan kelangsungan berterusannya, UMS memerlukan kerja keras dan penambahbaikan untuk menjadi lebih kompetitif melalui kreativiti dan inovasi. Mereka yang terbabit tidak harus melihatnya sebagai satu bebanan, sebaliknya mereka harus bersemangat dan menanti generasi muda yang lebih berpengetahuan.

“Rakyat akan mendapat sebahagian faedah yang diperolehi melalui penyelidikan dan penemuan baharu oleh pasukan saintis kami dari segi penerbitan, pengajaran, pengkomersilan produk dan pembangunan teknologi.

“Selain itu, universiti juga mempunyai program termasuk perkhidmatan masyarakat, program anak angkat, program motivasi, program sukarelawan dan lain-lain yang boleh menawarkan pengalaman berbeza kepada semua penuntutnya yang berbilang kaum dan

latar belakang kebudayaan.

“Penuntut akan bergaul, berkomunikasi, menjadi responsif di samping mendapat pengalaman baharu sepanjang masa yang mereka luangkan dengan masyarakat ini,” katanya, menambah mereka akhirnya akan membantu mempromosi universiti melalui perkongsian pengalaman mereka kepada orang lain.

Terdahulu, Pendaftar UMS merangkap Pengerusi Penganjur, Datuk Abdullah Mohd Said menjelaskan, pelbagai aktiviti dijalankan untuk memperingati sambutan itu termasuk:

- Sambutan Upacara Pembukaan Ulang Tahun ke-20.
- Pelancaran bangunan menara jam.
- Pelancaran setem khas
- Program Rentas Borneo yang dianjurkan oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.
- Persidangan Wilayah terhadap Kelestarian Kampus pertama 2014.
- Pertandingan Golf Amal yang dianjurkan oleh Kampus Antarabangsa
- Labuan UMS (UMSKAL).
- Hari Kesedaran Lupus.
- Larian Eko-Kampus.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin yang juga canselor universiti serta isteri, Toh Puan Norlidah R.M Jasni kerana menyeronokkan acara itu.

“Saya juga ingin mengucapkan setinggi ucapan terima kasih kepada kerajaan Persekutuan dan Negeri, bekas canselor, Lembaga Pengarah UMS, Naib Canselor, Pejabat Pendaftar, semua kakitangan, penaja dan seluruh jawatankuasa penganjur kerana komitmen mereka dalam menjayakan acara malam ini,” katanya.

Acara itu juga menyaksikan pelancaran rasmi Dana Alumni UMS yang kini mempunyai RM2.8 juta dalam simpanannya oleh Yang Dipertua Negeri.

Dana tersebut, menurut Harun sebelum itu, akan digunakan untuk mengukuhkan rangkaian antara universiti di samping alumni nya.